

## **DOKTOR MALAYSIA MENANG ANUGERAH BERPRESTIJ UNTUK PENYELIDIKAN KANSER**

*Kuala Lumpur, Rabu, 5 April 2023*

**Dr Woo Yin Ling**, seorang warganegara Malaysia, telah memenangi **Anugerah Rachel Pearlline 2023** yang berprestij sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan global beliau terhadap penyelidikan dan amalan kanser di negara yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Dr Woo, 50, Profesor Obstetrik dan Ginekologi di Universiti Malaya dan perunding pakar onkologi ginekologi di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), menamatkan latihan pakar dan subkepakaran beliau dalam onkologi ginekologi di UK. Beliau telah dianugerahkan ijazah PhD oleh Universiti Cambridge untuk penyelidikan pasca kedoktoran beliau mengenai imunobiologi human papillomavirus (HPV).

Beliau menghabiskan 21 tahun dalam pembelajaran bidang perubatan dan bekerja di luar negara sebelum kembali pada 2010 sebagai saintis klinikal yang memberi tumpuan kepada pembangunan perkhidmatan dan program penyelidikan dengan penekanan pada kanser ginekologi.

Prof Woo mengkonseptualisasikan dan melaksanakan Program ROSE (**R**emoving **O**bstacles to cervical **S**cr**E**ening), program saringan serviks inovatif yang menggabungkan pensampelan sendiri HPV.

Program ROSE telah dilancarkan pada Januari 2019 oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ketika itu, Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Program ini adalah inisiatif Yayasan ROSE yang matlamatnya adalah untuk menjadikan Malaysia antara negara pertama di rantau ini yang bebas daripada kanser serviks, kanser kedua paling kerap di negara ini dalam kalangan wanita di bawah umur 44 tahun.

Daripada ujian lumuran pap (pap smear) konvensional yang dijalankan oleh pakar penjagaan kesihatan professional di klinik atau hospital yang melibatkan pemeriksaan pelvis, Program ROSE menawarkan para wanita pilihan untuk menggunakan swab sendiri, pendekatan yang cepat, tidak menyakitkan dan berkesan untuk membolehkan ujian PCR HPV dijalankan.

Ujian diproses di makmal Yayasan ROSE sendiri yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan serviks berpusat menggunakan ujian HPV, dan keputusan dihantar terus ke telefon bimbit wanita melalui SMS atau WhatsApp. Wanita yang didapati positif HPV kemudiannya disambungkan ke hospital tertier terdekat untuk mendapatkan rawatan.



Sejak 2019, Program ROSE telah menyaring lebih 23,000 wanita di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, dengan kebanyakan mereka daripada komuniti yang kurang berkemampuan dan kurang disaring.

Anugerah Rachel Pearline dinamakan sempena Dr Rachel Pearline, seorang warganegara Amerika yang merupakan pakar onkologi yang dihormati dan meninggal dunia pada usia 38 tahun pada November 2015 akibat kanser gastrik. Pada 2016, Dr Pearline sendiri menerima anugerah yang dinamakan sempena beliau selepas kematiannya. Dr Pearline komited terhadap kawalan kanser global dan melihat amalan perubatan sebagai satu keistimewaan, sentiasa berusaha untuk melayani pesakitnya dengan lebih baik.

Setiap tahun, sebagai penghormatan kepada beliau, Ahli Jawatankuasa bagi "Annual Symposium on Global Cancer Research" (ASGCR) menjemput pencalonan untuk anugerah itu dan memilih seorang profesional cemerlang yang mempunyai nilai murni dan keunggulan dalam penyelidikan, amalan dan/atau latihan kanser di negara berpendapatan rendah dan sederhana (LMIC).

ASGCR ialah mesyuarat perdana Pusat Kanser Kebangsaan Amerika Syarikat untuk Kesihatan Global (National Cancer Institute Center for Global Health). Ia menyatukan orang dalam onkologi global untuk membincangkan perkembangan dalam penyelidikan dan kawalan kanser global dan merangka usaha kolaboratif untuk memajukan bidang ini.

Penerima anugerah diiktiraf pada Majlis Anugerah Rachel Pearline dan memberikan ucapan yang menyerlahkan sumbangan mereka kepada penyelidikan, amalan dan/atau latihan kanser dalam persekitaran LMIC, dan perspektif masa depan mereka. Prof Woo, orang Asia Tenggara pertama yang memenangi anugerah itu, akan menyampaikan ucaptamanya secara maya dari Kuala Lumpur pada hari Khamis, 6 April 2023 semasa ASGCR.

Semasa menerima anugerah itu, Prof Woo berkata: "Ia adalah satu penghormatan besar untuk Malaysia. Pengiktirafan ini adalah bukti bahawa rakyat Malaysia boleh menjayakan banyak perkara jika kami bekerjasama. Program ROSE adalah kemuncak usaha kerjasama yang besar daripada ramai rakyat Malaysia yang percaya kepada visi Malaysia yang bebas daripada kanser serviks."

Dr Satish Gopal, Pengarah Pusat Institut Kanser Kebangsaan untuk Kesihatan Global, menyifatkan Prof Woo sebagai pemimpin kesihatan global yang luar biasa yang telah mendedikasikan kerjaya beliau untuk memastikan wanita mempunyai akses saksama kepada langkah kawalan kanser serviks yang terbukti tidak kira di mana mereka tinggal.

"Di bawah kepimpinan beliau, Malaysia membantu kita semua melakarkan laluan ke arah mencapai matlamat WHO untuk menghapuskan kanser serviks di seluruh dunia, dan saya yakin bahawa kita akan banyak belajar daripada kejayaan berterusan Profesor Woo dan Program ROSE pada masa hadapan," katanya.



Prof Margaret Stanley, penyelia Prof Woo di Universiti Cambridge yang mencalonkannya untuk anugerah itu, berkata: "Rachel Pearline melihat amalan perubatan sebagai satu keistimewaan dan sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan yang lebih bagus kepada pesakit beliau, suatu kenyataan yang menghuraikan Profesor Woo Yin Ling. Beliau merupakan seorang doktor yang membawa inspirasi dan transformasi, yang mana program saringan kanser serviks beliau – Program ROSE telah mengubah prospek pencegahan sekunder kanser serviks di Malaysia and merupakan model untuk negara berpendapatan rendah dan sederhana. Woo Yin Ling merupakan wanita cemerlang yang membawa perubahan seperti Rachel Pearline dan amat layak sebagai penerima anugerah ini."

Prof Woo juga merupakan peneraju klinikal untuk "Every Woman Study" (EWS-LMIC), sebuah inisiatif "World Ovarian Cancer Coalition" untuk mengenal pasti cabaran dan peluang untuk meningkatkan kadar kelangsungan hidup dan kualiti hidup bagi wanita yang menghidap kanser ovari.

Beliau kini merupakan wakil negara untuk "Asia-Oceania Research Organisation in Genital Infection and Neoplasia" (AOGIN), ahli kumpulan kerja "Asia Pacific Economic Consortium (APEC) Cervical Cancer", ahli jawatankuasa untuk polisi di "International Papillomavirus Society" (IPVS) dan pemegang amanah pengasas Yayasan ROSE.

###

Untuk maklumat lanjut atau untuk menemu bual Prof Woo Yin Ling, sila hubungi Serena Lim di Yayasan ROSE [012-6663254].

Untuk mendengar ucap-tama Prof Woo di Majlis Anugerah Rachel Pearline pada Khamis 6 April 2023 jam 11 malam waktu Malaysia, layari <https://nci.rev.vbrick.com/#/webcasts/11annualgcr>

####

Mengenai Yayasan ROSE

Yayasan ROSE adalah sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang ditubuhkan pada 2019 dengan visi menghapuskan kanser serviks di Malaysia. Misi yayasan ini adalah untuk menyediakan saringan serviks kepada wanita di Malaysia menggunakan pendekatan Program ROSE yang unik dan inovatif serta memfokuskan pada golongan yang kurang disaring dan kurangberkemampuan. Untuk maklumat lanjut mengenai Yayasan ROSE, layari <https://www.programrose.org/>